

Pemuda MCA akan temui Mahathir mengenai masalah kaum China

PULAU PINANG, Ahad — Pemuda MCA akan menemui Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bulan depan untuk membincangkan masalah yang dihadapi oleh orang China dalam bidang ekonomi dan industri.

Pengerusi Kebangsaan Pemuda MCA, Datuk Lee Kim Sai berkata, mesyuarat tersebut yang diadakan pada 13 November merupakan kali ketiga yang diadakan oleh Pemuda MCA dengan pemimpin Malaysia.

Belliau berkata demikian ketika

merasmikan seminar politik sehari yang dianjurkan oleh Pemuda MCA Pulau Pinang.

Lebih 50 orang pemimpin Pemuda MCA menghadiri seminar tersebut.

Datuk Lee berkata, Pemuda MCA setakat ini telah menemui Perdana Menteri, Datuk Husseln Onn dan Menteri Pelajaran, Datuk Musa Hitam.

"Kita juga akan menyampaikan satu memorandum mengenai masalah dan kesulitan orang China kepada Dr. Mahathir.